

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH
KAWASAN : IPOH TIMOR

SOALAN NO. 543

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada JKR Daerah Kinta sejak 1 Mac 2020 serta senaraikan projek-projek yang mana penyelenggaraan telah dilaksanakan secara spesifik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod dan statistik inventori terkini jumlah panjang Jalan Persekutuan di negeri Perak ialah sepanjang **1,514.06 km** (tidak termasuk lebuh raya bertol), manakala jumlah panjang jalan di Daerah Kinta, Perak pula ialah sepanjang **178.232 km**.

Sehingga kini jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk Program Penyenggaraan Berkala di Jalan Persekutuan di Daerah Kinta, Perak bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM7,904,000.00 iaitu RM5,090,000.00 bagi kerja penyenggaraan berkala pavemen dan RM2,814,000.00 bagi kerja penyenggaraan berkala bukan pavemen. Senarai bagi kerja penyenggaraan berkala adalah seperti di **Lampiran A**.

Sekian, terima kasih.

Lampiran A

Senarai Kerja Penyenggaraan Berkala Pavemen bagi Tahun 2020

Bil.	Perihal Kerja	Nilai Kerja (RM)	Lokasi	Status Terkini
1.	Kerja Pembaikan Berkala Pavemen Jalan Persekutuan Mill & Pave (CRMA), Di Laluan FT005 Seksyen 703.10 – 704.00 (L/R), Jalan Seri Iskandar – Jelapang, Daerah Kinta, Perak darul Ridzuan.	700,000.00	Petronas Silibin	Siap pada 29 Mei 2020
2.	Kerja Pembaikan Berkala Pavemen Jalan Persekutuan Mill & Pave (CRMA), Di Laluan FT005 Seksyen 704.00 – 705.00 (L/R), Jalan Seri Iskandar – Jelapang, Daerah Kinta, Perak darul Ridzuan.	700,000.00	Simpang Masuk Kuari Cabaran	Siap pada 29 Mei 2020
3.	Kerja Pembaikan Berkala Pavemen Jalan Persekutuan Mill & Pave (CRMA), Di Laluan FT005 Seksyen 382.00 – 683.00 (L/R), Jalan Seri Iskandar – Jelapang, Daerah Kinta, Perak darul Ridzuan.	700,000.00	Akedemi Bomba	Siap pada 06 Jun 2020
4.	Kerja Pembaikan Berkala Pavemen Jalan Persekutuan Mill & Pave dan Kerja-Kerja Berkaitan, Di Laluan FT001 Seksyen 584.500 – 585.00 (L/R), Jalan Kampar – Simpang Pulai, Daerah Kinta, Perak darul Ridzuan.	300,000.00	Tol Simpang Pulai	Siap pada 27 Jun 2020
5.	Kerja Pembaikan Berkala Pavemen Jalan Persekutuan Regulate & Overlay dan Kerja-Kerja Berkaitan, Di Laluan FT3150 Seksyen 5.00 – 5.40 (L/R), Jalan Simpang Pulai - Lahat, Daerah Kinta, Perak darul Ridzuan.	300,000.00	Changkat Larang	Siap pada 6 Jun 2020
6.	Kerja Pembaikan Berkala Pavemen Jalan Persekutuan Regulate & Overlay dan Kerja-Kerja Berkaitan, Di Laluan FT3150 Seksyen 8.00 – 10.50 (L/R), Jalan Simpang Pulai - Lahat, Daerah Kinta, Perak darul Ridzuan.	900,000.00	Jambatan Sg. Senget – Taman Muda	Siap pada 20 Julai 2020
7.	Kerja Pembaikan Berkala Pavemen Jalan Persekutuan Regulate & Overlay dan Kerja-Kerja Berkaitan, Di Laluan FT3150 Seksyen 2.00 – 3.00 (L/R), Jalan Lahat - Simpang Pulai, Daerah Kinta, Perak darul Ridzuan.	400,000.00	Simpang Masuk Taman Pasir Wang – Trafik Light Bomba	Siap pada 3 Jun 2020
8.	Kerja Pembaikan Berkala Pavemen Jalan Persekutuan Mill & Pave (CRMA), Di Laluan FT005 Seksyen 685.00 – 686.00 (L), Jalan Seri Iskandar – Jelapang, Daerah Kinta, Perak darul Ridzuan.	500,000.00	Jejantas Siputeh	Dalam Pembinaan (Dijangka siap pada 30 Julai 2020 – Baki Roadline)

9.	Kerja Pembaikan Berkala Pavemen Jalan Persekutuan Mill & Pave (SFM) DAN Kerja – Kerja Berkaitan, Di Laluan FT240 Seksyen 2.00 - 3.00 (L/R), Jalan Jelapang - Ampang, Daerah Kinta, Perak darul Ridzuan.	590,000.00	Susur Highway Arah Selatan	Dalam Pembinaan (Dijangka siap pada 15 Ogos 2020 – Masih berjalan kerja pavement)
Jumlah Keseluruhan		5,090,000.00		

Senarai Kerja Penyenggaraan Berkala Bukan Pavemen bagi Tahun 2020

Bil.	Perihal Kerja	Nilai Kerja (RM)	Lokasi	Status Terkini
1.	Kerja-kerja Membina Dan Menaiktaraf center median serta lain-lain kerja berkaitan Di Laluan Sri Iskandar – Jelapang, FT005 Seksyen 703.650 – 705.600 L&R, Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan.	80,000.00	Petronas Silibin	Siap pada 29 Februari 2020
2.	Kerja-kerja Mengecat semula Garisan Jalan Yang Pudar, Di Laluan Seri Iskandar – Jelapang, FT005 Seksyen 705.000 – 706.000 (L&R) Daerah Kinta, Perak darul Ridzuan.	200,000.00	Taman Puncak Jelapang	Siap pada 6 Jun 2020
3.	Kerja-kerja Menggantikan Expension Joint Jambatan Yang Rosak, Di Laluan Ipoh – Lumut, FT005 Seksyen 705.000 – 707.000 (L&R) Daerah Kinta, Perak darul Ridzuan.	380,000.00	Jambatan Sungai Buntong	Pembinaan (Dijangka siap pada 30 Ogos 2020)
4.	Kerja-kerja Menggantikan Expension Joint Jambatan Yang Rosak, Di Laluan Pasir Puteh- Lahat, FT3151 Seksyen 2.10-2.20 (L&R) Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan.	154,000.00	Jambatan Keretapi	Siap pada 3 Julai 2020
5.	Cadangan Membina Single Paip Culvert Bersaiz 2.40m Diameter dan Kerja-Kerja Berkaitan Untuk Mengatasi Masalah Banjir Kilat di Kampung Sungai Rokam, Laluan Persekutuan FT001 Seksyen 590.9 Daerah Kinta, Perak Darul Ridzuan.	2,000,000.00	Kampung Sg. Rokam	Pembinaan (Dijangka siap pada 14 November)
Jumlah Keseluruhan		2,814,000.00		